

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Undang-undang bahan khayal digubal - TPM

PUTRAJAYA 17 Jan. - Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) bersetuju cadangan rang undang-undang bahan khayal digubal bagi tujuan mencegah, merawat dan membolehkan pengawasan penagih atau pengguna bahan khayal. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, langkah itu adalah bagi menangani masalah penyalahgunaan bahan khayal atau inhalan seperti gam dalam kalangan remaja.

"Ini adalah satu masalah sosial yang meruncing, ada anak muda seawal usia 10 tahun sudah menghidu gam," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat JKMD bilangan 1/2019 di sini hari ini.

Wan Azizah berkata, cadangan itu masih pada peringkat draf yang mana semua aspek dimasukkan ke dalam draf berkenaan termasuk elemen pendidikan, kesederan dan sebagainya.

"Kita jangka ia boleh dibentangkan pada mesyuarat sidang Parlimen akan datang," katanya.



WAN AZIZAH WAN ISMAIL bercakap kepada wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat JKMD di Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad. - BERNAMA

Tambah beliau, jawatankuasa turut mempertimbangkan secara serius cadangan pelaksanaan perintah berkurung bagi remaja di bawah umur 18 tahun berdasarkan model yang diadakan di Iceland.

Kata beliau, melalui perintah berkurung itu, ibu bapa akan mengetahui di mana anak-anak

mereka sekali gus membendung golongan itu terjebak dalam gejala negatif seperti menghidu gam.

"Mungkin sukar dengan persekitaran negara ini yang mempunyai kedai-kedai makan 24 jam tapi ini kita lihat kerana kita dapat tahu kalangan penghidu gam ini ada yang berusia sangat muda," katanya.